

TARIKH	13 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	72	RUANGAN	Bisnes

TH jangka dividen tinggi

LEMBAGA Tabung Haji (TH) dijangka dapat mengagihkan dividen tinggi tahun ini kepada pendepositnya susulan pulangan menarik pelaburan ditambah hasil daripada penjualan pegangannya dalam syarikat perladangan di Indonesia.

Ini mencerminkan usaha TH untuk memastikan modal pendeposit terus dilindungi dan pada masa sama memberikan pulangan lumayan.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail berkata, TH akan memastikan sebarang pelaburan yang dibuat akan membuahkan hasil bagi mereka dan pendeposit mereka pada penghujung harinya kelak.

"Tahun lalu, kami mengisytiharkan dividen enam peratus dan berharap tahun ini, kami boleh mengekalkan prestasi," katanya.

- Bernama